

**RUMUSAN MUZAKARAH**  
**AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI-INSTITUSI**  
**KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA KALI KE-7**

*“Memartabatkan Muamalah Islam  
Demi Kesejahteraan Ummah”*

31 Mei 2011 | Dewan B1, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

---

1. Jual beli matawang diharuskan oleh syarak, namun perlu mematuhi *dawabit* tertentu selain mengelakkan unsur-unsur-unsur *syibh riba*, tipu daya, judi, *qabd* yang tidak jelas dan *gharar* dalam operasi *spot forex* secara individu melalui platform elektronik. Operasi *spot forex* ini juga didapati tidak sah dari sisi undang-undang Kerajaan Malaysia.
2. Muzakarah mencadangkan agar perkara ini diperhalusi oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dan SC, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan jawatankuasa fatwa negeri-negeri seluruh Malaysia mengenai keharusan amalannya di kalangan umat Islam.
3. Muzakarah mencadangkan agar pihak kerajaan dapat melakukan pemantauan terhadap operasi *spot forex* secara individu melalui platform elektronik ini dari semasa ke semasa.
4. Muzakarah mencadangkan agar agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai larangan kerajaan terhadap operasi *spot forex* secara individu melalui platform elektronik. Keperluan tindakan ini bagi mengelakkan masyarakat terjebak dalam transaksi yang tidak diharuskan oleh syara' dan juga undang-undang. Supaya dengan penguatkuasaan ini, boleh mengelakkan berlakunya penindasan dan penyelewengan oleh pihak broker ke atas peserta *forex* dan mengelakkan masyarakat terlibat dalam aktiviti kewangan tanpa pengawalan oleh badan berwajib.
5. Muzakarah mencadangkan agar kerajaan bertindak tegas terhadap pedagang matawang yang tidak diberi kuasa (*unauthorized dealer*) termasuk pemain dan juga broker *forex* melalui internet.

*Wallahu 'alam.*